

|             |                 |             |                     |
|-------------|-----------------|-------------|---------------------|
| MediaTitle  | Utusan Malaysia |             |                     |
| Date        | 17 Sep 2013     | Language    | Malay               |
| Circulation | 197,952         | Readership  | 833,287             |
| Section     | Dlm Negeri      | Color       | Full Color          |
| Page No     | 11              | ArticleSize | 608 cm <sup>2</sup> |
| AdValue     | RM 12,127       | PR Value    | RM 36,381           |
|             |                 |             |                     |



# Menanti terbitnya filem-filem yang mengangkat Melayu Islam di pawagam

AMERIKA SYARIKAT (AS) digeruni kerana kekuatan ekonomi dan ketenteraan. Sebagai kuasa utama negara, AS menggunakan pelbagai strategi untuk meluaskan pengaruh dan melebarkan propagandanya.

Sebagai contoh, menerusi sistem pendidikannya, AS meluaskan pengaruhnya dengan menanamkan rasa betapa sistem pendidikan mereka adalah yang terbaik berbanding negara-negara lain. Diuar-uarkan universiti mereka adalah yang terbaik, kita pula menghantar ramai pelajar menuntut di situ. Setelah pulang belajar di situ, doktrin dan fahaman dibawa ke setiap organisasi. Doktrin inilah yang menjadikan masyarakat kita semakin berkiblatkan Barat.

Tidak terkecuali penyebaran doktrin dan fahaman melalui filem. Digambarkan betapa hebatnya kekuatan ketenteraan AS. Ini dipaparkan dalam pelbagai filem mereka seperti Rambo. Misi menyelamat dan ketenteraan di Vietnam hanya memerlukan seorang tentera sahaja, yang bernama Rambo. Rambo digambarkan mampu mengalahkan beratus-ratus orang bala tentera musuh. Jalan ceritanya menggambarkan AS menang besar di Vietnam, walhal, sejarah tidak pernah menipu bahawa AS telah kalah teruk dalam Perang Vietnam sampaikan tenteranya terpaksa keluar secara terhormat dari Vietnam.

Begitu juga filem Black Hawk Down tidak langsung memaparkan kegagahan tentera kita yang telah memberi sumbangan besar dalam menyelamat tentera AS. Tetapi sebaliknya, dunia lebih mempercayai kisah yang dipaparkan dalam filem tersebut seolah-olah tiada bala tentera di dunia yang mampu mengalahkan tentera AS. Inilah caranya AS meluaskan pengaruh, doktrin dan fahaman mereka ke seluruh pelosok dunia.

Kita juga sewajarnya menggunakan pendekatan sebegini tetapi dengan cara yang memaparkan kisah benar dan tidak sesekali menipu. Malangnya tidak banyak filem Melayu sebegini yang dihasilkan.

Yang banyak, filem tahyul, sedih, samseng jalanan, gangsterisme, bergaduh dan skandal serta pelbagai masalah sosial. Maka, malang sungguh apabila orang Melayu dihidangkan filem-filem yang tidak mencanai minda. Jauh sekali mengukuhkan kekuatan dan perpaduan orang Melayu. Dikaitkan Melayu itu terlalu lemah walhal sebenarnya tidak sebegitu.

Maka, tidak menghairankan sudah ada yang berani memaparkan kisah rasuah orang Melayu dalam filem seolah-olah orang Melayu itu kaki rasuah! Perkara ini perlu diperbetulkan jika tidak, maka akhirnya pembohongan tersebut diyakini sebagai kebenaran. Ayuh! Pengarah-pengarah filem Melayu, buatlah filem yang boleh menyatupadukan orang Melayu. Hasilkan karya yang benar-benar memberi manfaat kepada

bangsa dan agama.

Tolak ketepi agenda keuntungan semata-mata.

Banyak kisah baik orang Melayu yang boleh dipaparkan di dalam filem. Janganlah asyik menghasilkan filem yang menunjukkan kelemahan orang Melayu walhal orang Melayu itu sebenarnya tidaklah terlalu lemah berbanding digambarkan. Ramai sahaja orang Melayu yang berjaya di seluruh dunia. Orang Melayu bukan sahaja mempunyai banyak kelebihan dan tidak lemah bahkan orang Melayu itu sendiri adalah bangsa yang sewajarnya dihormati oleh kaum lain.

Tunjang kekuatan orang Melayu adalah agama Islam. Paparkan kisah-kisah sejarah orang Melayu yang berlatar belakangkan sejarah kekuatan ketenteraan dan ekonomi pada masa lalu yang diadunkan dengan cara yang moden. Malahan, tidak salah sekiranya filem-filem ini mendapat kerjasama erat umat Islam di seluruh dunia. Kita bukannya tidak mempunyai pemimpin yang dihormati oleh masyarakat Islam dunia.

Sebut sahaja nama Tun Dr. Mahathir Mohamad, hampir semua umat Islam di seluruh dunia mengaguminya. Oleh itu, tidak mustahil filem-filem yang memaparkan kekuatan orang Melayu Islam di Malaysia mampu menembusi pasaran negara-negara Islam lain. Yang penting perlu adanya daya kreativiti untuk menghasilkan filem sebegini. Kita perlu menyangkal dakyah songsang dan mitos yang dihasilkan oleh orang lain. Pada masa sama, kita juga berkewajipan bukan sahaja untuk menghebahkan betapa pentingnya perpaduan dalam kalangan umat Islam Malaysia tetapi juga di negara-negara Islam lain. Mungkin dengan cara ini boleh meredakan ketegangan sesama umat Islam. Filem sebegini boleh dihasilkan dengan cara yang menyeronokkan penonton. Tidak semestinya apabila bercakap mengenai perpaduan, hanya gambaran kebosanan sahaja yang bermain di minda bakal penonton filem berkenaan. Buang jauh-jauh stigma sebegini. Inilah cabaran bagi pembuat filem tempatan sebagai satu sumbangan besar ke atas orang Melayu Islam.

Pembuat filem tempatan dalam kalangan orang Melayu perlu berani menghasilkan filem sebegini. Berikan sentuhan baharu dalam mengangkat orang Melayu. Tidak perlu menghasilkan filem yang mengguris hati barigsa lain meskipun orang lain tidak peduli perasaan

kita. Itu bukan cara kita. Kita perlu memahami latar belakang pembuat filem yang mengguris hati kita. Mungkin kerana pernah belajar di sebuah negara yang mana Ahli-ahli Parlimennya selalu bergaduh dan bertumbuk sesama sendiri di Parlimen, maka tidak menghairankan sikap sebegini menjadi ikutan.

Orang Melayu Islam dahagakan filem-fi-



|             |   |             |                     |
|-------------|---|-------------|---------------------|
| Headline    | Menanti terbitnya filem filem yang mengangkat Melayu Islam di pawagam |             |                     |
| MediaTitle  | Utusan Malaysia   |             |                     |
| Date        | 17 Sep 2013   | Language    | Malay               |
| Circulation | 197,952   | Readership  | 833,287             |
| Section     | Dlm Negeri  | Color       | Full Color          |
| Page No     | 11  | ArticleSize | 608 cm <sup>2</sup> |
| AdValue     | RM 12,127   | PR Value    | RM 36,381           |
|             |   |             |                     |

lem yang boleh memotivasikan mereka agar lebih kuat menghadapi cabaran masa kini. Orang Melayu Islam juga perlu diberi fahaman jelas mengenai kekuatan mereka agar mereka tidak lupa diri. Orang Melayu Islam juga perlu disedarkan betapa nenek moyang mereka adalah antara penakluk yang terhebat di dunia.

Orang Melayu juga perlu diinsafkan agar tidak malu mengakui mereka itu bangsa yang mempunyai jati diri yang kuat, berfikiran positif dan bijaksana serta tidak mudah tunduk dengan kuasa asing.

Filem terbaru, Tanda Putera hanyalah sebilangan kecil filem yang memaparkan kelebihan orang Melayu Islam. Justeru, wahai pembuat filem Melayu! Banyakkanlah filem sebegini demi bangsa dan agamamu!

**PENULIS** ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan Pusat Pengajian Perakaunan (SOA) Kolej Perniagaan (COB) Universiti Utara Malaysia



**BERAPA** banyak filem Melayu yang mengangkat filem Melayu Islam ditayangkan di pawagam dan menarik orang ramai untuk menontonnya?

- GAMBAR HIASAN